

10 JUL 2004

Umno-Bahagian (Johor)

HISHAMUDDIN DAPAT 8 PENCALONAN, KHAIRY 7 DAN MUKHRIZ 1

JOHOR BAHaru, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Mukhriz Mahathir hari ini

mendapat satu pencalonan dari Johor untuk bertanding jawatan Naib Ketua

Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan parti September ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Johor Ayub Rahmat berkata pencalonan itu

diberikan oleh Pemuda Umno Bahagian Simpang Renggam pada persidangan perwakilan bahagian itu hari ini.

Katanya Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein

hari ini mendapat sokongan penuh daripada lapan bahagian Pergerakan Pemuda

Umno yang bersidang di Johor.

Khairy Jamaluddin pula mendapat tujuh pencalonan untuk jawatan Naib

Ketua Pemuda Umno.

Keputusan pencalonan itu diterima daripada Umno bahagian Semberong,

Simpang Renggam, Kota Tinggi, Pasir Gudang, Segamat, Pengerang, Bakri dan

Muar setakat pukul 7 malam ini.

Satu bahagian lagi iaitu Pemuda Umno Tebrau hanya akan mengadakan

persidangan perwakilan malam ini.

Sementara itu Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dan

naib ketua Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil mendapat sokongan padu daripada

semua sembilan Pergerakan Wanita Umno di Johor yang mengadakan mesyuarat

perwakilan masing-masing hari ini.

Pencalonan itu diberikan oleh Wanita Bahagian Semberong, Kota Tinggi,

Pengerang, Kluang, Parit Sulong, Simpang Renggam, Muar, Pasir Gudang dan

Labis.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kota Tinggi Asiah Md Ariff ketika

mengulas sokongan padu itu berkata, kedua-dua mereka telah menunjukkan

kepimpinan yang baik dalam menerajui pergerakan Wanita dan mendapat kepercayaan penuh anggota-anggotanya.

"Gandingan Rafidah dan Shahrizat nampaknya berkesan memberikan kestabilan kepada Wanita dan mereka wajar diberi peluang dan sokongan untuk

meneruskan kepimpinan," katanya.

Semalam Ketua Pergerakan Wanita Umno Johor Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata semua 26 Pergerakan Wanita Umno Bahagian di Johor dijangka

memberikan sokongan padu kepada kedua-dua mereka.

-- BERNAMA

MNY MNY MAZ PR